



ENSIKLOPEDIA MINI PERIKANAN:

IKAN BUNTAL

Mohd Nor Azman Ayub & Wan Norhana Md Noordin



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN





ENSIKLOPEDIA MINI
PERIKANAN:

IKAN BUNTAL

Mohd Nor Azman Ayub & Wan Norhana Md Noordin

Edisi Pertama
Cetakan Pertama 2024
© Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa jua sama ada cara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin daripada Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

ENSIKLOPEDIA MINI PERIKANAN: IKAN BUNTAL
Mohd Nor Azman Ayub & Wan Norhana Md Noordin

Diterbitkan oleh

Institut Penyelidikan Perikanan (FRI)
11960 Batu Maung,
Pulau Pinang
No Tel: 04 – 626 3925 / 26
No Faks: 04 – 626 2077
Email: fri_helpdesk@dof.gov.my



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia
ISBN 978-967-2946-39-7

SENARAI KANDUNGAN

Perutusan Pengarah Kanan	ii
Prakata	iii
1.0 Pengenalan	1
2.0 Maklumat Biologi	9
3.0 Ciri-Ciri Racun Ikan Buntal	14
4.0 Kes Keracunan Ikan Buntal	17
5.0 Kaedah Pengesanan Racun Ikan Buntal	24
6.0 Peraturan Paras Selamat Tetrodotoksin dan Penjualan Ikan Buntal dan Produk	28
7.0 Penyelidikan & Pembangunan (R&D) Berkaitan Ikan Buntal di Malaysia	31
8.0 Produk-Produk Ikan Buntal di Pasaran	42
Penutup	53
Rujukan	54

PERUTUSAN PENGARAH KANAN

Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya, Ensiklopedia Mini Perikanan: Ikan Buntal berjaya diterbitkan. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada pasukan pengarang kerana telah berjaya menghasilkan satu dokumen yang mempunyai banyak maklumat tentang ikan buntal. Walaupun ikan buntal bukan spesies ikan komersial, namun ia ada didaratkan di Malaysia dalam kuantiti yang kecil. Ikan buntal sangat beracun. Kandungan toksin dalam ikan buntal mampu membunuh manusia dewasa dengan sekadar dua miligram sahaja. Memandangkan kes keracunan ikan buntal semakin kerap dilaporkan di Malaysia, kesedaran dan pendidikan mengenai risiko memakan ikan ini kepada orang awam perlu dimulakan. Penulisan buku ini adalah salah satu usaha Institut Penyelidikan Perikanan dalam menangani isu ini. Adalah diharapkan buku ini dapat mendidik dan meningkatkan kesedaran pembaca tentang ikan buntal yang unik tetapi berbahaya.

Sekian, terima kasih.

YBrs. Dr. Azhar bin Hamzah
Institut Penyelidikan Perikanan
Jabatan Perikanan Malaysia



PRAKATA

Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, penulisan buku “Ensiklopedia Mini Perikanan: Ikan Buntal” ini berjaya disempurnakan dan diterbitkan. Kes keracunan disebabkan ikan buntal bukanlah satu perkara baharu di Malaysia walaupun jarang-jarang berlaku. Namun mutakhir ini, kes keracunan ikan buntal agak kerap dilaporkan. Kes yang terbaharu adalah pada bulan Mac 2023 yang lalu, di mana sepasang warga emas telah mati akibat memakan ikan buntal yang dibeli daripada penjual tempatan. Selain daripada itu, terdapat laporan penjualan filet ikan buntal di Pulau Pinang dengan nama ikan kristal pada tahun 2017 serta jualan filet ikan buntal secara terbuka di dalam talian. Kesemua faktor ini telah mendorong kami untuk menulis buku ini, bagi tujuan meningkatkan kesedaran tentang ikan buntal serta risiko kemudaratan akibat memakan ikan ini kepada orang awam terutama pencinta makanan unik di Malaysia.

Buku ini dibahagikan kepada beberapa bahagian. Bahagian satu memberikan pengenalan ringkas berkaitan ikan buntal dan kepentingannya. Bahagian dua memberi penekanan tentang maklumat biologi ikan buntal terutamanya daripada aspek pengkelasan taksonomi, deskripsi morfologi, taburan habitat, nilai nutrisi dan status konservasi. Bahagian tiga pula memberi tumpuan kepada ciri-ciri racun ikan buntal. Bahagian empat menghuraikan tentang kes keracunan yang telah dilaporkan dan bahagian lima mengenai kaedah pengesanan racun ikan buntal. Bahagian enam pula menyenaraikan kriteria atau garis panduan keselamatan racun ikan buntal yang diguna pakai di negara tertentu. Bab tujuh menonjolkan maklumat mengenai penyelidikan dan pembangunan serta dokumentasi lain berkaitan ikan buntal di Malaysia. Bahagian lapan pula berkongsi maklumat tentang produk serta juadah popular ikan buntal dan diakhiri dengan penutup yang ringkas dan senarai rujukan.

Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyumbang maklumat dan foto serta semua yang terlibat dalam penerbitan buku ini sama ada secara langsung ataupun tidak. Semoga buku ini dapat memberi manfaat kepada semua.

Mohd Nor Azman Ayub & Wan Norhana Md Noordin





1.0 PENGENALAN

Ikan buntal atau *pufferfish* adalah salah satu kumpulan ikan yang sangat unik di dunia. Keunikan yang pertama adalah kemampuan ikoniknya untuk mengembungkan badan lebih tiga kali ganda sehingga menjadi bulat seperti belon, dengan cara menelan air atau udara (**Foto 1**). Keupayaan untuk mengembungkan badan ini adalah sebagai salah satu mekanisma pertahanan diri bagi mengelak dimakan pemangsa. Keunikan yang kedua adalah kebanyakan spesies ikan ini adalah beracun. Isi, kulit serta organ dalaman ikan buntal mengandungi racun yang sangat toksik (1,200 kali lebih kuat dari sianida) kepada kebanyakan haiwan termasuk manusia, yang dinamakan Tetrodotoksin (TTX). Ikan buntal merupakan vertebrata kedua yang paling beracun selepas katak *golden poison*. TTX apabila dimakan oleh manusia akan menyebabkan mereka mengalami muntah-muntah, pening, serta gangguan pada sistem saraf dan kardiovaskular (Noguchi & Ebesu, 2001). Keracunan ikan buntal telah banyak dilaporkan di banyak negara terutamanya kawasan pantai. Kebanyakan ikan buntal juga boleh bertukar warna untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran.



Foto 1: Ikan buntal (*Diodon* sp.)

Ikan buntal dikenali dengan pelbagai nama di seluruh dunia termasuklah *blowfish*, *globefish*, *ballonfish*, *bubblefish*, *swellfish*, *toadies*, *sugar toad* atau *toadfish*. Nama-nama umum ini berkait rapat dengan rupa fizikal ikan buntal yang berbentuk bulat atau seperti belon. Sementara itu, ikan buntal juga turut mempunyai nama tempatan yang khusus mengikut negara tertentu seperti 'fugu' di Jepun, 'bok' atau 'bogeo' di Korea, 'ikan buntek' di Indonesia, 'pakpao' di Thailand, dan 'hétún' di China. Selain daripada mempunyai ciri unik fizikal dan beracun, terdapat beberapa lagi fakta menarik tentang ikan buntal seperti yang disenaraikan dalam **Rajah 1**.



Rajah 1: Fakta-fakta menarik tentang ikan buntal

1.1 Sejarah penggunaan ikan buntal

Keracunan ikan buntal telah dikenal pasti sejak zaman Mesir purba, 3000–5000 tahun yang lampau. Di Jepun, tulang ikan buntal telah ditemui sekurang-kurangnya 2,800 tahun lampau, (semasa era Jōmon), dan mencadangkan ikan ini telah ditangkap untuk dimakan sejak ribuan tahun yang lalu. Dalam kurun ke-16, undang-undang yang melarang memakan ikan buntal telah diperkenalkan berikutan berlakunya kes kematian yang signifikan akibat memakan ikan ini. Pengambilan ikan ini kembali berleluasa sejak 130 tahun lalu serta larangan telah diangkat. Semenjak itu, lebih banyak pendekatan keselamatan telah diperkenalkan untuk memastikan ikan buntal selamat dimakan. Dalam tahun 1930, *Tokyo Fugu Ryori Renmei (Cooking Alliance)* telah diasaskan dengan misi untuk berkongsi kaedah pengendalian ikan buntal yang selamat serta ceramah kesedaran yang berkaitan ikan buntal. Perkara ini telah menyumbang dalam menyebarkan konsumsi ikan buntal di Jepun. Bandar Shimonoseki di Wilayah Yamaguchi sangat terkenal dengan jumlah restoran serta kilang pemprosesan ikan buntal yang paling padat, mempunyai jenama ikan buntal tersendiri “Shimonoseki Fugu” dan menjadi hub ikan buntal yang bukan sahaja ditangkap di Jepun, tetapi juga di serata dunia (**Foto 2**).



Foto 2: Restoran dan juadah istimewa ikan buntal di Jepun
(Sumber: https://web-japan.org/trends/11_food/jfd202101_fugu.html)



Di China pula, pengambilan ikan buntal direkodkan semenjak pemerintahan Maharaja Yu (lebih kurang 2205-2197 sebelum masihi). Ikan buntal dikategorikan sebagai menu Diraja seawal Dinasti Tang (618-907). Konsumsi ikan buntal ternak telah diwartakan pada tahun 2016 dan sejak itu, permintaan terhadap ikan buntal terus meningkat. Menurut *China Aquatic Products Processing and Marketing Alliance*, konsumsi tahunan ikan buntal meningkat daripada 5,000 tan metrik pada tahun 2017 kepada hampir 20,000 tan metrik pada tahun 2021. Bilangan restoran ikan buntal di China juga meningkat dari sekitar 100 buah pada tahun 2016 kepada lebih daripada 2,000 buah (Tao, 2024). Selain itu, ikan buntal dianggap makanan laut yang paling enak di Suez City, Egypt dan dijual secara haram walaupun telah menyebabkan keracunan maut di bandar ini (Zaki, 2004). Di Turkiye, walaupun pendaratan ikan buntal diharamkan sebagai ikan komersial, namun masih didaratkan secara haram dan dimakan di kawasan pantai Mediterranean.

Di Malaysia, ikan buntal banyak dimakan di Sarawak dan Sabah. Ikan buntal dianggap hidangan istimewa di Sarawak dan setiap tahun diadakan Pesta Buntal tahunan di Kampung Manggut, Spaoh, di Daerah Betong, Sarawak, untuk mempromosi ikan buntal kuning (*Xenopterus naritus*) yang banyak terdapat di situ (Kana, 2002). Terdapat juga Kampung Buntal, kira-kira 27 km dari Bandaraya Kuching, Sarawak yang dinamakan sempena kehadiran ikan buntal yang banyak di Sungai Buntal yang terletak di situ. Di Sabah pula, terdapat juadah tradisional istimewa ikan buntal iaitu Sagol (juga dipanggil Siagol) di kalangan suku kaum Bajau. Makanan ini selalunya dimasak menggunakan isi ikan buntal, ikan pari atau ikan yu (umumnya ikan dengan saiz hati yang besar).

1.2 Kepentingan ikan buntal dari segi ekonomi

Walaupun beracun, ikan buntal mempunyai nilai ekonomi, budaya dan mitos yang signifikan di seluruh dunia. Ikan ini dianggap hidangan istimewa (*delicacy*) serta santapan mewah yang bernilai tinggi di Jepun, Korea, China, dan Taiwan. Disebabkan TTX terdapat dalam pelbagai organ dalaman, ikan buntal perlu disediakan oleh tukang masak terlatih dengan lesen khas. Antara spesies yang bernilai tinggi termasuklah torafugu atau *tiger puffer* (*Takifugu rubripes*), *grass puffer* (*Takifugu niphobles*), *panther puffer* (*Takifugu paradalis*) dan *black-backed puffer* (*Takifugu stictonotus*). Pada suatu masa dahulu, ikan buntal adalah makanan orang biasa yang murah, tetapi sekarang ia adalah hidangan mewah dan eksklusif yang boleh mencecah antara 10,000-30,000-yen (£65-£200) untuk satu hidangan lengkap ikan buntal (MATCHA, 2018).




Selain itu, di Jepun, ikan buntal adalah simbol tuah serta kesejahteraan dalam kehidupan. Ikan buntal juga banyak digunakan dalam industri perubatan tradisional. Sementara itu, ikan buntal juga berpotensi sebagai ikan hiasan seperti *Chonerhinos modestus*, *Carinotetraodon saliva/or*, *Tetraodon biocellata*, *Carinotetraodon lorteli*, *Tetraodon sabahensis* dan *Tetraodon palembangensis* (Nishimura, 2005). Menurut Stump et al. (2018), sejumlah 81 spesies ikan buntal (54%) mempunyai sekurang-kurangnya satu kegunaan. Rekod penggunaan yang paling tinggi adalah untuk industri akuarium (44 spesies, atau 29% daripada jumlah keseluruhan spesies), diikuti dengan industri makanan (37 spesies (25%)). Penggunaan yang minimum direkodkan untuk penyelidikan, perubatan, perniagaan curio, racun dan makanan haiwan (13% daripada keseluruhan spesies).

Di Malaysia, ikan buntal dikategorikan sebagai ikan baja oleh Jabatan Perikanan Malaysia kerana ikan ini tidak bernilai komersial dan umumnya tidak dimakan oleh penduduk tempatan. Namun, terdapat beberapa spesies ikan buntal yang dianggap boleh dimakan dan tidak beracun. Pada tahun 2003, harga ikan buntal kuning di Sarawak adalah sekitar RM3 sekilogram, namun pada tahun 2023 telah menjangkau kepada RM15 sekilogram (Berita Harian, 2023). Harga telur ikan buntal yang dimasinkan boleh mencapai antara RM20-RM40 sekilogram di beberapa pasar sekitar Betong, Sarawak.

1.3 Pengeluaran ikan buntal

Pendaratan utama ikan buntal adalah daripada sumber liar. Memandangkan ikan buntal tidak dianggap sebagai spesies ikan komersial, statistik tahunan pengeluaran ikan buntal tidak dilaporkan di peringkat global secara tahunan. Data pendaratan yang ada sangat terhad dan agak *outdated*. Data terkini Statistik Perikanan China (2022) menunjukkan jumlah keseluruhan pengeluaran ikan buntal mencecah 15,391 tan metrik pada tahun 2021 dengan pola dan skala pengeluaran yang kian meningkat (Cai et al., 2023).

Di Malaysia ikan buntal banyak didaratkan di Pulau Pinang, Perak, Sabah dan Sarawak, namun, Pahang, Kelantan dan Johor (**Rajah 2**) terdapat dalam kuantiti yang rendah. Jumlah pendaratan ikan buntal pada tahun 2022 adalah sebanyak 717 tan metrik di mana negeri Perak mencatatkan jumlah pendaratan yang tertinggi iaitu 386 tan metrik. Manakala jumlah pendaratan ikan buntal di Sabah dan Sarawak adalah masing-masing sebanyak 154 tan metrik dan 100 tan metrik. Selain itu, negeri Perak menunjukkan jumlah pendaratan yang paling banyak dari tahun 2016 hingga 2022 berbanding negeri-negeri lain



Rajah 2: Pendaratan ikan buntal dari tahun 2015 hingga 2022 mengikut negeri

dalam tempoh yang sama. Tiada pendaratan ikan buntal direkodkan di negeri Kelantan dan Johor sejak tahun 2016 hingga 2022.

1.4 Spesies ikan buntal yang direkodkan di Malaysia

Di Malaysia, spesies ikan buntal yang kerap ditemui adalah buntal pisang kasar (*Lagocephalus lunaris*), buntal pisang kerisi (*L. sceleratus*) dan buntal pisang muda (*L. spadiceus*) (**Foto 3**). Sehingga kini sebanyak 37 spesies ikan buntal pernah ditemui dan direkodkan di Malaysia (Ambak et al., 2010). Sebahagian daripada spesies yang direkodkan ditunjukkan dalam **Foto 4** dan **Foto 5**. Ikan buntal ditangkap menggunakan pukot tunda, pukot jerut ikan dan pukot hanyut selain pukot bakul, pukot rentang dan bubu.



Buntal pisang kasar
(*Lagocephalus lunaris*)



Buntal pisang kerisi
(*Lagocephalus scleratus*)



Buntal pisang muda
(*Lagocephalus spadiceus*)



Buntal pisang emas
(*Lagocephalus wheeleri*)

Foto 3: Spesies ikan buntal yang kerap ditemui di Malaysia



Buntal belang (*Takifugu oblongus*)



Buntal kodok tompok
(*Torquigener pallimaculatus*)



Buntal susu (*Chelonodon patoca*)



Buntal kuning (*Xenopterus naritus*)



Buntal pasir bintang (*Arothron stellatus*)



Buntal pasir corak (*Arothron mappa*)



Buntal gigi Kupang (*Tetraodon nigroviridus*)

Foto 4: Spesies ikan buntal yang terdapat di Malaysia



Buntal pasir bersih
(*Arothron immaculatus*)




Buntal pasir batik
(*Arothron reticularis*)



Buntal pasir garis/jalur
(*Arothron manilensis*)



Buntal pasir bintang putih
(*Arothron hispidus*)



Kaban tanda
(*Ostracion nasus*)



Buntal landak tanda
(*Diodon hystrix*)



Buntal landak panjang
(*Diodon holocanthus*)



Barat-barat
(*Aluterus monoceros*)

Foto 5: Spesies ikan buntal yang terdapat di Malaysia

2.0 MAKLUMAT BIOLOGI

2.1 Taksonomi

Pengelasan saintifik ikan buntal adalah seperti berikut:

Phylum: Chordata

Class: Osteichthyes

Order: Tetraodontiformes

Family: Tetraodontidae (*puffers*)

Ikan buntal diklasifikasikan di bawah order Tetraodontiformes (“tetra” bermaksud empat dan “odontos” bermaksud gigi di dalam Bahasa Greek). Nama ini merujuk kepada empat gigi besar seakan paruh (beak-like) yang terdapat di bahagian rahang atas dan bawah. Kebanyakan ikan buntal, giginya menonjol dan terlihat seperti paruh. Ikan ini kelihatan berbeza dengan ikan lain kerana bentuknya yang aneh dan tidak memiliki sisik. Sisiknya telah diubahsuai dan menonjol membentuk duri. Bukaan insangnya sangat kecil dan hanya terdapat di bahagian depan bawah sirip pektoral. Sirip dorsalnya lembut dan terletak di belakang dan bertentangan dengan sirip anal. Garis deria pada badan tidak kelihatan, namun mungkin ada (Mohsin & Ambak, 1991). Menurut maklumat terkini, terdapat 10 famili, 106 genus dan 447 spesies ikan buntal di dalam order Tetraodontiformes (Froese & Pauly, 2023). Nama famili dan nama umum ikan buntal yang tergolong di dalam order ini disenaraikan dalam **Rajah 3**.

Famili	Nama umum
1. Triacanthodidae	<i>Spikefishes</i>
2. Triacanthidae	<i>Triplespins</i>
3. Balistidae	<i>Triggerfishes</i>
4. Monacanthidae	<i>Filefishes, Leatherjackets</i>
5. Ostraciidae	<i>Boxfishes, Cowfishes, Trunkfishes</i>
6. Aracnidae	<i>Robust boxfishes</i>
7. Triodontidae	<i>Pursefishes, Three Toothed Puffer</i>
8. Tetraodontidae	<i>Pufferfishes, Toads</i>
9. Diodontidae	<i>Porcupinefishes</i>
10. Molidae	<i>Molas, Ocean Sunfishes</i>

Rajah 3: Order Tetraodontiformes

2.2 Morfologi

Ikan buntal daripada famili Tetraodontidae berbeza secara fizikal daripada famili lain di bawah order Tetraodontiformes. Perbezaan utama adalah pada ciri-ciri berikut: kepala besar dan tumpul; rahang diubah suai untuk membentuk paruh, empat gigi besar (dua di atas dan dua di bawah) yang bercantum dan dengan rahang yang kuat untuk menghancurkan makanan seperti cengkerang moluska dan krustasea, mata yang besar dan tinggi di atas kepala; bukaan insang, celahan di hadapan sirip pektoral; sirip dorsal dan sirip anal terletak jauh di belakang, mengandungi tujuh hingga 15 sinar lembut; sirip ekor berpinggiran tegak, membulat atau berpinggiran berlekuk; tiada sirip pelvik; garis sisi (jika ada) biasanya tidak jelas, membentuk corak yang saling berkaitan pada sisi kepala dan badan, tetapi agak berbeza dalam beberapa genera (cth. *Lagocephalus* dan *Torquigener*); tiada sisik, kulit licin tetapi banyak duri di belakang dan/atau perut, dan di bahagian sisi (Matsuura, 2001). Ikan buntal daripada famili Tetraodontidae mempunyai duri yang lebih kecil dan tidak kelihatan berbanding ikan buntal famili Diodontidae, sehinggalah ia mengembungkan badannya. Ikan buntal juga mempunyai julat panjang yang besar iaitu daripada 2.0 cm (ikan buntal *pygmy*) hingga 60.0 cm (ikan buntal gergasi air tawar).

2.3 Habitat

Kebanyakan ikan buntal ditemui dalam laut di kawasan tropika dan subtropika khususnya lautan Atlantik, Pasifik dan India. Ia agak jarang ditemui di kawasan hawa sederhana. Ikan buntal kerap mendiami pesisiran pantai dan justeru ada yang boleh hidup di persekitaran air tawar dan air payau. Di Malaysia, ikan buntal boleh dijumpai di kawasan sungai, paya bakau dan perairan pantai.

2.4 Pemakanan

Diet ikan buntal banyak bergantung kepada habitat di mana ia tinggal. Sebagai haiwan omnivor, ikan buntal memakan kedua-dua tumbuhan dan haiwan. Diet utama adalah alga dan invertebrata kecil (moluska, gastropod, serangga, ikan kecil dan larva). Ikan buntal yang bersaiz besar memakan kerang-kerangan, batu karang, detritus, udang, landak laut dan cacing yang terdapat di habitat mereka berada.



2.5 Sistem pembiakan, kematangan

Ikan buntal mempunyai kaedah pembiakan yang unik dan sedikit berbeza mengikut spesies. Ikan jantan akan mendorong ikan betina ke kawasan pantai yang bersesuaian untuk mengawan. Ada spesies ikan buntal jantan yang membuat sarang di atas pasir untuk menarik perhatian ikan betina. Selepas mengawan, ikan betina akan bertelur antara tiga hingga tujuh ribu biji telur. Pasangan induk akan kekal di perairan tersebut sehingga telur menetas.

Telur ikan buntal berbentuk sfera dan biasanya terapung di permukaan air selama lebih kurang seminggu sebelum menetas. Mereka mempunyai mulut dan mata yang berfungsi, dan mesti makan dalam masa beberapa hari. Larva yang diliputi cangkerang akan pecah dalam beberapa hari dan larva membentuk sirip, gigi, dan semua bahagian yang lain (Kumar & Pathak, 2021). Ikan buntal hidup sehingga 10 tahun dalam habitat liar.

2.6 Nilai nutrisi

Walaupun ikan buntal merupakan makanan istimewa di beberapa negara seperti Jepun, Korea dan China, namun, kandungan nutrien tidak didokumentasikan secara meluas kerana potensi bahaya yang berkaitan dengan penggunaannya. Menurut Cai et al. (2023), isi ikan buntal mempunyai rasa yang sangat lazat, nilai nutrisi yang tinggi serta kandungan lemak yang rendah dalam kalangan ikan-ikan yang lain. Dari segi nilai nutrisi, seperti ikan lain, ikan buntal juga mengandungi protein yang tinggi, vitamin dan mineral. Ikan buntal pernah dirujuk dalam ensiklopedia perubatan Korea kurun ke 16 (Donguibogam) sebagai penggalak imuniti. Walau bagaimanapun, disebabkan potensi ketoksikannya, adalah tidak digalakkan untuk mengambil/memakan ikan buntal tanpa penyediaan yang betul oleh pakar dalam mengendalikan spesies ikan buntal ini.

Komposisi nutrien dalam beberapa spesies ikan buntal ternak dan liar dari beberapa lokasi ditunjukkan dalam **Jadual 1**. Ikan buntal rata-ratanya mengandungi kandungan protein yang tinggi (melebihi 16%) dan lemak yang rendah (kurang dari 2.0%).



Jadual 1: Komposisi nutrien dalam beberapa spesies ikan buntal

Spesies	Lokasi (Ternak/Liar)	Kelembapan	Protein kasar	Purata (% bb)			Rujukan
				Lemak kasar	Fiber kasar	Abu	
<i>Fugu rubripes</i>	Nagato, Jepun (Ternak)	79.9±0.8	18.4±0.7	0.29±0.05	TD	1.2±0.1	Saeki & Kumagai (1982)
	Tsushima, Jepun (Liar)	80.1±0.5	18.2±0.4	0.35±0.04	TD	1.3±0.1	
<i>Fugu rubripes</i>	Nagato, Jepun. (Ternak)	79.7±0.8	17.9±0.7	0.35±0.07	TD	1.28±0.04	Saeki & Kumagai (1984)
	Tsushima, Jepun (Liar)	79.6±0.8	18.6±0.7	0.24±0.05	TD	1.36±0.04	
<i>Takifugu rubripes</i>	Akashima, Jepun (Ternak)	78.7±0.5	16.5±0.4	0.9±0.1	TD	1.3±0.1	Saito & Kunisaki (1998)
	Nagasaki, Jepun (Liar)	78.9±0.8	16.5±1.1	0.7±0.1	TD	1.4±0.1	
<i>Takifugu rubripes</i>	Taipei, Taiwan (Ternak)	79.1-80.6	17.5-18.9	0.2-0.4	TD	1.1-1.4	Hwang et al. (2000)
<i>Lagocephalus wheeleri</i>	Dapeng Bay, China (Liar)	TD	19.3	1.94	TD	TD	Zhang et al. (2004)
<i>Takifugu obscurus</i>	China (Ternak)	TD	18.7	1.79	TD	TD	Gu & Zhao (2008)
	(Liar)	TD	20.2	2.38	TD	TD	
<i>Fugu obscurus</i>	Shanghai, China (Ternak)	76.9	18.4	0.83	TD	1.52	Tao et al. (2012)
<i>Fugu flavidus</i>	(Ternak)	78.0	18.1	0.81	TD	1.47	
<i>Fugu rubripes</i>	(Ternak)	77.3	17.8	0.73	TD	1.54	
<i>Lagocephalus sceleratus</i>	Antalya Bay, Turkey (Liar)	78.5	21.62	NA	TD	TD	Aydin et al. (2013)
<i>Lagocephalus lunaris</i>	Parangipettai, India (Liar)	80.32	9.22	11.25	TD	0.96	Eswar et al. (2014)
	(Liar)	86.05	8.92	11.98	TD	1.27	
<i>Takifugu obscurus</i>	Jiangsu, China (Ternak)	79.73±0.52	18.44±0.11	1.31±0.21	TD	1.42±0.04	Yuqi et al. (2014)
<i>Xenopterus naritus</i>	Kg. Manggut, Sarawak (Liar)	77.36±1.13	19.9±1.58	0.11±0.06	0.10±0.04	1.24±0.06	Mohd Nor Azman (2016)
	Kabong, Sarawak (Liar)	79.97±0.56	17.67±0.91	0.09±0.03	0.05±0.03	1.02±0.06	
<i>Lagocephalus lunaris</i>	Batu Maung, Pulau Pinang (Liar)	77.63	20.51	0.24	0.25	1.36	Data tidak diterbitkan
<i>Lagocephalus wheeleri</i>	Lumut, Perak (Liar)	79.87	18.62	0.16	0.31	1.30	

TD – Tidak dilaporkan, bb-berat basah

2.7 Status konservasi

Rajah 4 menunjukkan status konservasi ikan buntal menurut *International Union for Conservation of Nature* (IUCN). IUCN adalah pihak berkuasa global ke atas status alami dan langkah-langkah pemuliharaan yang diperlukan. Menurut Stump et al. (2018), sejumlah 77% spesies ikan buntal dinilai sebagai kurang dibimbangi (*Least Concern*), 15% sebagai *Data Deficient* dan hanya peratusan kecil (8%) yang dianggap terancam (terancam teruk (*Critically Endangered*), terancam (*Endangered*) atau rentan (*Vulnerable*)).

Ikan buntal tidak disenaraikan di bawah *Convention for International Trade of Endangered Species of Wild Fauna and Flora* (CITES). CITES adalah satu instrumen yang bertujuan untuk memastikan agar perdagangan antarabangsa haiwan liar dan tumbuhan tidak mengancam kelangsungan hidup mereka. Ini bermaksud, ikan buntal boleh diniagakan dan tertakluk kepada peraturan negara pengimport. Selain itu, ikan buntal juga tidak disenarai di dalam senarai pusat haiwan liar terancam atau hampir terancam (*endangered and threatened*) di Amerika Syarikat (Fish and Wildlife Service (USFWS)).

International Conservation of Nature (IUCN) Red List Criteria	CITES	U.S. Fish and Wildlife Service (USFWS)
<ul style="list-style-type: none">• 77% - kurang dibimbangi (<i>Least Concern</i>),• 15% - <i>Data Deficient</i>• 8% terancam, hampir terancam atau rentan (<i>Critically Endangered, Endangered or Vulnerable</i>)	<ul style="list-style-type: none">• Tidak tersenarai	<ul style="list-style-type: none">• Tidak tersenarai

Rajah 4: Status konservasi ikan buntal dari perspektif tiga instrumen konservasi antarabangsa

3.0 CIRI-CIRI RACUN IKAN BUNTAL

Racun ikan buntal atau Tetrodotoksin (TTX) adalah sangat toksik dan boleh membawa maut kepada manusia, mamalia, burung, ikan dan hidupan laut yang lain. Kematian pertama akibat memakan ikan buntal direkodkan di negara China 2,300 tahun yang lampau. Pada mulanya, TTX dipercayai hanya terdapat dalam ikan buntal, namun TTX juga telah dikesan dalam haiwan lain seperti *California newt (Taricha torosa)*, *gobies*, cacing pita, tapak sulaiman, ketam *xanthid*, belangkas, katak Costa Rica, katak hutan hujan Atlantik Brazil dan banyak lagi. Kehadiran TTX juga telah direkodkan dalam sedimen marin dan persekitaran air tawar (Mohd Nor Azman, 2016).

3.1 Dari mana datangnya racun ikan buntal?


Banyak laporan telah membuktikan TTX disintesis oleh spesies-spesies bakteria yang hidup bersimbiosis dalam saluran usus ikan buntal (Noguchi et al., 2006) termasuklah bakteria *Vibrio alginolyticus*, *Vibrio damsela*, *Streptococcus* sp., *Bacillus* sp., dan *Pseudomonas* sp. Bacteria ini telah ditemui sebagai epifit pada spesies alga bercengkerang, *Jania* sp., dan *Alteromonas* sp., yang menjadi makanan ikan buntal. Bacteria penghasil TTX ini juga ditemui di persekitaran secara meluas (Simidu et al., 1987). Perkaitan ini dapat menjawab persoalan tentang tahap ketoksikan yang berbeza-beza mengikut musim dan lokasi, walaupun dalam spesies yang sama serta dari kawasan yang sama.

3.2 Pengedaran/pengagihan racun ikan buntal

TTX boleh dikesan di dalam pelbagai organ ikan buntal terutamanya hati, telur/ovari, perut/usus, kulit dan juga isi ikan buntal. Bahagian yang kerap mengandungi TTX yang tinggi adalah hati, perut, organ pembiakan, kulit dan juga isi. Racun TTX terdapat dalam pelbagai organ ikan buntal dan dalam jumlah yang berbeza mengikut spesies. Secara amnya, ikan buntal air masin mempunyai kandungan TTX yang lebih tinggi dalam hati dan ovari. Manakala, ikan buntal air payau dan air tawar mempunyai kandungan TTX yang tinggi pada kulit (Noguchi & Arakawa, 2008). Disebabkan TTX terdapat dalam pelbagai organ dalaman, ikan buntal perlu disediakan oleh tukang masak terlatih dengan lesen khas. Jika tidak disediakan dengan betul oleh penyedia berlesen, racun dari organ-organ yang disebutkan, boleh tersebar dan menyerap ke dalam isi ikan.

3.3 Ciri-ciri TTX

TTX adalah sebatian organik bukan-protein (aminoperhy-droquinazoline) dengan formula molekul $C_{11}H_{17}N_3O_8$ (**Rajah 5**) dan berat molekul 319 g/mol. Pada suhu bilik, TTX berbentuk kristal tidak berwarna dan tidak berbau. Ia stabil pada suhu tinggi dan tidak terurai semasa dimasak (Yamashita 2001). Pada suhu melebihi 220°C , warna TTX menjadi gelap, namun masih tidak terurai. TTX larut dalam asid, sedikit larut dalam air, alkohol dan dietil eter serta tidak larut dalam kebanyakan pelarut organik. Terdapat sejumlah 26 analog TTX semulajadi, namun tidak semuanya boleh diperolehi secara komersial (Vaishali et al., 2014).



Rajah 5: Struktur molekular Tetrodotoksin (Neagu et al., 2006)


3.4 Mekanisma tindakan

TTX berfungsi dengan menyekat saluran natrium/sodium dalam sel saraf dan sel skeletal (Narahashi 2001). Ini berlaku melalui interaksi antara kumpulan guanidin bercas positif dalam TTX dengan kumpulan karboksilat bercas negatif pada liang saluran natrium. Kesan sekatan tidak mengubah potensi rehat membran neuron sebaliknya menghalang kemasukan natrium ke dalam saluran dan sekaligus menghalang penghantaran potensi tindakan yang cekap. Sekatan itu mengganggu fungsi otak serta saraf motor, deria dan autonomi dan seterusnya membawa kepada kegagalan gastrointestinal, jantung, dan neurologi.

3.5 Simptom keracunan

Keracunan berlaku apabila pengguna memakan ikan buntal yang mengandungi TTX. Permulaan keracunan dan darjah keparahan bergantung kepada kuantiti racun dalam ikan buntal, berapa lama mereka memakannya, keadaan fizikal serta kesihatan mangsa. TTX menyerang saraf dan menyebabkan kelumpuhan

otot-otot penting dan boleh membawa maut jika tidak dirawat dengan segera. Pengambilan 1-2 mg TTX sahaja, sudah boleh menyebabkan kematian. **Rajah 6** menunjukkan empat tahap simptom keracunan TTX. Kebanyakan kes kematian adalah disebabkan kegagalan sistem pernafasan yang boleh berlaku seawal 6 jam pertama sehingga selepas 20 jam pengambilan.



Rajah 6: Simptom keracunan Tetrodotoksin (Nogouchi et al., 2011)

3.6 Rawatan

Sehingga kini masih belum ada penawar atau antitoksin kepada TTX. Kebanyakan mangsa berupaya untuk pulih, jika rawatan awal dilakukan. Antara rawatan umum yang boleh diberikan adalah:

- i. *Gastric lavage* iaitu mengosongkan isi perut mangsa dengan memasukkan tiub ke dalam perut melalui mulut atau hidung, menyedut keluar kandungan makanan dan diikuti dengan bilasan beberapa kali dengan air. Prosedur ini dilakukan semasa pesakit sedar ataupun di bawah bius.
- ii. Bantuan pernafasan dan kestabilan hemodinamik (Lago et al., 2015).
- iii. Memakan arang teraktif (*activated charcoal*) bagi membantu penyerapan dan penyingkiran toksin.

4.0 KES KERACUNAN IKAN BUNTAL

4.1 Kes keracunan di peringkat global

Keracunan dan kematian disebabkan ikan buntal telah banyak dilaporkan. Menurut Guardone et al. (2020), sejumlah 3,032 kes dari lima benua telah dilaporkan, terutama dari Asia. Di Jepun, keracunan ikan buntal merupakan masalah yang serius dengan sekurang-kurangnya 50 kematian setahun walaupun ikan buntal disediakan oleh pengendali berlesen (Hossain, 2014). Keracunan TTX juga telah dilaporkan di Taiwan, Hong Kong, Thailand, Singapura, Kiribati, Fiji, Australia, Papua New Guinea, Bangladesh, Amerika Syarikat dan Brazil. Kematian akibat TTX pula direkodkan di Thailand, Cambodia, Mexico, Hong Kong, Australia, Taiwan, Korea Selatan, Bangladesh, termasuk Malaysia (**Jadual 2**).

Jadual 2: Antara kes keracunan ikan buntal yang dilaporkan di seluruh dunia

Negara	Spesies penyebab	Bilangan kes	Tahun	Rujukan
Australia	Tidak dilaporkan	11	2002	Isbister et al. (2002)
	Tidak dilaporkan	7	2004	O'Leary et al. (2004)
Bangladesh	<i>Takifugu oblongus</i> , <i>Arothron stellatus</i>	141	2008	Islam et al. (2011)
	Tidak dilaporkan	53	2001-2006	Chowdhury et al. (2007)
	Tidak dilaporkan	37 (8 maut)	2002	Ahasan et al. (2004)
	<i>Takifugu oblongus</i>	36 (7 maut)	2002	Ahmed et al. (2006)
	<i>Takifugu oblongus</i>	8 (5 maut)	1998	Mahmud et al. (1999)
	Tidak dilaporkan	6	2005	Chowdhury et al. (2007)
Brazil	Tidak dilaporkan	11	2014	Islam et al. (2018)
	Tidak dilaporkan	11	-	Simoes et al., 2014
	Tidak dilaporkan	27 (2 maut)	1984-2009	Neto et al. (2010)
Cambodia	Tidak dilaporkan	1 (1 maut)	-	Nunez-Vazquez et al. (2000)
	Tidak dilaporkan	57 (9 maut)	2003-2007	Ngy et al. (2008)

Negara	Spesies penyebab	Bilangan kes	Tahun	Rujukan
Japan	<i>Takifugu poecilonotus</i>	1	2008	Arakawa et al. (2010)
	<i>Lagocephalus lunaris</i>	11	2008-2009	Nagashima et al. (2011)
India	Tidak dilaporkan	8	2007	Behera et al. (2008)
Egypt dan Israel	<i>Lagocephalus sceleratus</i>	13	2005-2008	Bentur et al. (2008)
Lebanon	<i>Lagocephalus sceleratus</i>	1	2008	Chamandi et al. (2009)
	<i>Lagocephalus sceleratus</i>	1	2022	Al-Sulaimani et al. (2022)
Mexico	Tidak dilaporkan	18 (2 maut)	1970-2000	Nunez-Vazquez et al. (2000)
Oman	Tidak dilaporkan	5	2018	Alhatali et al. (2021)
Singapore	Tidak dilaporkan	1	2013	Yong et al. (2013)
South Korea	Tidak dilaporkan	40	1995-1998	Ahn et al. (1999)
	Tidak dilaporkan	111 (30 maut)	1991-2002	Kim et al. (2003)
	Tidak dilaporkan	41	2004-2010	Hyun et al. (2011)
	Tidak dilaporkan	7	2002-2011	Wi (2012)
Taiwan	<i>Lagocephalus lunaris</i>	6 (1 maut)	2001	How et al. (2003)
Thailand	<i>Tetraodon fangi</i>	6	1988	Laobhripatr et al. (1990)
	Tidak dilaporkan	6 maut	2001	Kungsuwan et al. (2001)
USA	<i>Diodon hystrix</i>	1	1986	Sims et al. (1986)
	Tidak dilaporkan	2	2007	Cohen et al. (2009)
UAE	Tidak dilaporkan	1	2022	Al Homsy et al. (2022)


4.2 Kes keracunan di Malaysia

Walaupun pengambilan ikan buntal sebagai makanan bukanlah satu kebiasaan melainkan di beberapa kawasan di Sarawak, namun, terdapat beberapa kes keracunan akibat daripada memakan ikan buntal dilaporkan di Malaysia. Beberapa kejadian keracunan telah dilaporkan dari tahun 1985 hingga 2023 (**Jadual 3**) dan perincian lokasi kes kejadian ditunjukkan dalam **Rajah 7**. Daripada **Rajah 7**, dapat dilihat kes keracunan TTX paling banyak dilaporkan di Sabah dan Johor iaitu sebanyak empat kali, diikuti dengan Terengganu (dua kejadian) dan satu kejadian di Selangor serta Sarawak masing-masing.

Jadual 3: Kes keracunan ikan buntal di Malaysia (1985-2023)

Tahun	Bilangan kes	Lokasi	Rujukan
1985	4 (1 maut)	Sabah	Lyn (1985)
1987	18 (9 maut)	Sabah	Kan et al. (1987)
1997	1	Terengganu	Loke & Tan (1997)
2008	34 (2 maut)	Johor	Chua & Chew (2009), UPI, (2008)
2009	5 (1 maut) 2 (1 maut); 2 (2 maut)	Terengganu, Sarawak Sabah	Murali (2009); Razak et al. (2009)
2011	30 (3 maut)	Sabah	Suleiman et al. (2017).
2019	1	Johor	Mohd Adzwan et al. (2019)
2021	2	Selangor	Pers. comm.
2022	2	Johor	Pers. comm.
2023	2 (2 maut)	Johor	Berita Harian 28 Mac 2023; The Star 8 April 2023

Kes pertama keracunan ikan buntal dilaporkan di Sabah pada tahun 1985 dengan satu kematian selepas memakan ikan buntal yang digoreng. Kes kedua juga di Sabah yang melibatkan 18 orang mangsa daripada tujuh keluarga dengan bilangan kematian paling tinggi (sembilan orang). Mangsa yang maut adalah daripada dua keluarga bersaudara yang terdiri daripada empat kanak-kanak serta ibu dan bapa dalam keluarga yang pertama serta seorang kanak-kanak dan dua dewasa dalam keluarga yang satu lagi. Kes ini disebabkan memakan telur dan ikan buntal yang dimasak kari. Walau bagaimanapun, spesies ikan buntal yang dimakan tidak diketahui. Sebagai rekod terdapat lima spesies ikan buntal yang biasa didapati di muara dan perairan pantai Sabah iaitu *Chelonodon patoca*, *Lagocephalus gloveri*, *L. lunaris*, *L. sceleratus* dan *Arothron manilensis* (Kan et al., 1987).



Rajah 7: Keracunan Tetrodotoksin di Malaysia (1985-2023) disebabkan memakan ikan buntal

Kes keracunan ikan buntal seterusnya berlaku pada tahun 1997 di Terengganu, di mana seorang warga emas berusia 69 tahun dilaporkan mengalami keracunan akibat daripada memakan telur ikan buntal. Tahun 2008 mencatatkan bilangan kes yang paling tinggi iaitu sebanyak 34 kes dengan dua kematian akibat memakan ikan buntal pisang yang dibeli di pasar sekitar Johor Bharu. Pada tahun 2009, kes keracunan telah dilaporkan di tiga negeri iaitu di Terengganu (lima), Sabah (dua) dan Sarawak (dua) dengan empat kematian. Kejadian di Terengganu melibatkan nelayan yang memakan telur ikan buntal kerisi atau *Lagocephalus lunaris*. Siasatan makmal yang dilakukan menunjukkan kandungan TTX yang tinggi di dalam telur dan hati ikan. Sementara itu, kejadian yang melibatkan dua kes kematian di Sarawak pula adalah akibat memakan telur ikan buntal kuning masin. Kes keracunan di Kota Marudu Sabah pada tahun 2011, adalah akibat memakan belangkas *Carcinoscorpius rotundicauda* dan bukannya ikan buntal. Dilaporkan 30 kes keracunan telah berlaku dengan tiga kematian akibat memakan telur belangkas. Pada tahun 2019, di Johor seorang kanak-kanak lelaki berumur tiga tahun telah dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi, manakala ibunya hanya mengalami kebas di bahagian mulut akibat daripada memakan hidangan ikan buntal semasa makan malam.

Pada bulan November, 2021, dua kes keracunan ikan buntal dilaporkan berlaku ke atas pasangan suami isteri berumur dalam lingkungan 65-70 tahun di Selangor di mana salah seorang telah dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi. Ikan buntal yang dimakan, dibeli dari Kluang, Johor secara dalam talian. Pada Ogos 2022, di Johor, sepasang suami isteri telah mengalami keracunan ikan buntal setelah tiga jam memakan ikan buntal berbentuk "drumstick" yang

siap disiang dan dibuang bahagian kepala. Kes terbaharu keracunan ikan buntal pada bulan Mac 2023, juga berlaku di Johor, di mana sepasang suami isteri warga emas (84 dan 83 tahun) telah mengalami keracunan dan akhirnya menemui maut akibat memakan ikan buntal yang digoreng. Ikan buntal yang dibeli juga dalam keadaan yang telah siap disiang dan dibuang bahagian kepala daripada penjual ikan tempatan (**Foto 6**).



Foto 6: Keratan akhbar kejadian keracunan terikini
(Sumber: <https://www.sinarharian.com.my/article/252258/berita/nasional/kkm-tidak-benar-penjualan-ikan-buntal>)

Dari data-data yang dipersembahkan dapat dilihat, kes keracunan ikan buntal semakin kerap berlaku. Ini mungkin disebabkan oleh pengurangan berterusan pendaratan ikan komersial dan penggunaan ikan-ikan bernilai rendah untuk mendapat pulangan yang lebih. Penjelasan ini memang berasas kerana pada tahun 2017, penjualan filet ikan buntal telah dilaporkan di sekitar Pulau Pinang, Kedah dan Perak. Ikan buntal ini diperolehi daripada jati pendaratan Batu Maung, Pulau Pinang antaranya (**Foto 7**). Filet ikan buntal dikatakan telah disiang oleh pengendali terlatih dengan 10 tahun pengalaman dan filet yang disediakan dijual dengan nama "ikan kristal" ke restoran makanan laut dan pasar basah dengan harga sekitar RM18-RM20/kg (**Foto 8**). Penggunaan nama ikan kristal mungkin bertujuan untuk mengeliru dan menghilangkan rasa bimbang pengguna. Kejadian ini dihebahkan dibanyak saluran media dan telah menimbulkan kebimbangan di pihak Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang kerana dikhuatiri memberi kemudahan kepada pengguna.

Terdapat juga laporan yang mengatakan ikan buntal boleh dibeli secara dalam talian. Ini tidak mustahil dan mampu meningkatkan potensi kes keracunan ikan buntal di masa hadapan. Nelayan yang memproses ikan buntal mungkin tidak mempunyai pengetahuan mengenai spesies ikan buntal. Ini adalah kerana, terdapat spesies ikan buntal yang secara luarannya nampak sama terutamanya spesies ikan buntal yang biasa ditangkap iaitu ikan buntal pisang, namun mempunyai spesies yang berlainan. Sesetengah ikan buntal adalah berisiko tinggi untuk dimakan dan masalah timbul sekiranya nelayan mencampuradukkan ikan buntal yang biasa dimakan dengan yang berisiko. Kebanyakan kes keracunan berlaku disebabkan pengguna tidak mengetahui atau mengenali spesies ikan buntal.



Foto 7: Laporan akhbar mengenai pendaratan dan penjualan ikan buntal



Foto 8: Filet 'ikan kristal'

5.0 KAEDAH PENGESANAN RACUN IKAN BUNTAL

Terdapat beberapa kaedah yang digunapakai untuk mengesan TTX, yang merangkumi kaedah konvensional, imunoenzim, kromatografi dan yang terkini biosensor. Berikut disenaraikan antara kaedah pengesanan yang digunakan:

5.1 Bioassai tikus

Pengesanan TTX dibuat dengan menyuntik ekstrak sampel yang mengandungi TTX secara *intraperitoneal* ke dalam tiga ekor tikus jantan dengan berat 20 g. Pemerhatian ke atas gejala/simptom khusus direkodkan dan paras TTX diukur melalui masa kematian tikus (Yu et al., 2004). Kaedah ini merupakan kaedah paling awal digunakan. Walaupun mudah dan murah, kaedah ini tidak begitu tepat kerana simptom yang ditunjukkan agak umum dan menyerupai simptom toksin lain seperti toksin *Paralytic Shellfish Poisoning* (PSP). Kaedah ini juga tidak memberikan maklumat tentang komposisi toksin. Keputusan analisis juga bergantung kepada strain, jantina dan berat tikus. Bioassai tikus tidak sesuai untuk pernyataan secara kuantitatif (Micheli et al., 2002) dan kaedah ini memerlukan bekalan tikus dengan saiz tertentu yang berterusan. Walau bagaimanapun, kaedah ini masih digunakan di negara tertentu untuk tujuan pemantauan. Namun penggunaannya sedang dihapuskan secara perlahan atas tekanan pihak-pihak tertentu berkaitan penggunaan haiwan ujian.

5.2 Kromatografi Lapisan Nipis (*Thin Layer Chromatography*)

Asas kepada kaedah Kromatografi Lapisan Nipis (TLC) adalah pemisahan dan pengenalpastian sebatian yang terdapat dalam ekstrak sampel TTX, juga boleh digunakan untuk menentukan ketulenan bahan tertentu dalam campuran tersebut. Bahan tulen akan menunjukkan hanya satu tempat pada plat TLC yang dibangunkan. Walau bagaimanapun, kaedah ini hanya secara kualitatif sahaja dan bukan kuantitatif. Kaedah ini telah digunakan untuk menentukan toksisiti ikan buntal daripada spesies *Lagocephalus* yang terdapat di Pantai Timur Semenanjung Malaysia (Simon et al., 2009).

5.3 Immunoassai enzim (*Enzyme immunoassay*)

Immunoassai enzim (EIA) digunakan secara meluas dalam kedua-dua bidang klinikal dan penyelidikan untuk membantu kuantiti yang cepat, mudah, tepat dan khusus tetapi juga kos efektif bagi banyak molekul kecil yang penting secara biologi. Kit EIA (**Foto 9**) yang pantas dan sensitif untuk analisis kuantitatif TTX dalam ikan buntal telah dibangunkan oleh Kawatsu et al. (1997). Sistem EIA ini dapat mengesan TTX pada tahap yang lebih rendah daripada yang dapat dikesan menggunakan bioassai tikus. Walau bagaimanapun, kaedah ini masih tidak dapat mengenal pasti terbitan TTX yang lain dan ia memerlukan antibodi primer dan sekunder yang kosnya sangat mahal (Bane et al., 2014).



Foto 9: Enzyme immunoassay (EIA)

5.4 High Performance Liquid Chromatography (HPLC)

Kaedah pengesanan HPLC (**Foto 10**) terutamanya menggunakan derivatisasi selepas kolom diikuti oleh pengesanan pendarfluor (HPLC-FLD) telah diterokai secara kualitatif dan kuantitatif bagi analisis TTX dan terbitannya untuk menggantikan bioassai tikus (Yotsu et al., 1989). Kaedah ini sensitif dan boleh memisahkan serta mengesan kandungan TTX dan terbitannya tanpa mengira bilangan dan kumpulannya. Walau bagaimanapun, beberapa pengenalpastian terbitan TTX sukar dikesan menggunakan LC-FLD kerana variasi besar dalam intensiti pendarfluor pada struktur molekul bagi spesies yang berbeza. TTX dikesan di dalam ikan buntal *Diodon liturosus* yang ditemui di Laut Andaman menggunakan HPLC (Firoz et al., 2013).



Foto 10: High Performance Liquid Chromatography (HPLC)

5.5 *Liquid Chromatography - Mass Spectrometry (LC-MS)*

LC-MS (**Foto 11**) adalah teknik yang paling jitu dan digunakan secara meluas untuk analisis TTX dan terbitannya dalam ikan buntal (Ye et al., 2022; Mohd Nor Azman et al., 2014; Nagashima et al., 2011) dan organisma lain seperti *newt*, ketam, kerang-kerangan, gastropod, sotong, bakteria dan darah/urin manusia (Nzoughet et al., 2013; Cho et al., 2012; Fong et al., 2011; Leung et al., 2011; Yotsu-Yamashita et al., 2011; McNabb et al., 2010; Yang et al., 2010; William & Caldwell, 2009).



Foto 11: *Liquid Chromatography - Mass Spectrometry (LC-MS)*

5.6 *Lain-lain kaedah baharu*

Selain itu ada beberapa teknik lain yang juga boleh mengesan TTX secara kuantitatif seperti kromatografi gas (*gas-chromatography-mass spectrometry (GC-MS)*), spectrometer infra merah (*infrared (IR) spectrometry*) dan spectrometer resonan magnetik (*nuclear magnetic resonance (NMR) spectrometry*) (Madejska et al., 2019). Kaedah-kaedah ini sangat jitu, tetapi masa pengecaman mungkin sedikit lama kerana memerlukan langkah-langkah penulenan ekstrak TTX yang ekstensif dan justeru itu tidak sesuai untuk program pemantauan yang memerlukan saringan yang cepat dan dalam jumlah sampel yang banyak. Kelemahan lain adalah alat-alat ini sangat mahal, memerlukan

pengendalian daripada juruanalisis berkemahiran tinggi serta memerlukan penyelenggaraan yang baik secara berkala.

Terkini kaedah biosensor telah ditonjol sebagai kaedah pemantauan alternatif untuk biotoksin marin termasuk TTX. Secara umumnya kaedah ini menggunakan antibodi khusus antitetradotoxin sebagai pelapor biologi dan pengesanan amperometrik dengan elektrod bercetak skrin. Biosensor tisu telah dibangunkan dengan membran pundi kencing katak, yang mempunyai kepekatan tinggi saluran Na^+ dan, oleh itu, elektrod khusus Na^+ mengukur pengangkutan Na^+ melalui membran dan perencatan yang bergantung kepada dos oleh Tetradotoksin. Selain itu, biosensor TTX berdasarkan perencatan fungsi sel telah direka menggunakan rangkaian neuron saraf tunjang murine yang dibiakkan pada tatasusunan mikroelektrod di mana tindak balas biologi dipantau sebagai potensi ekstraselular. Di samping itu beberapa ujian imunosorben berkaitan enzim telah dibangunkan juga untuk pengesanan TTX, sebahagian daripadanya menyediakan asas untuk pembangunan biosensor berasaskan antibodi elektrokimia. Kaedah yang lebih terkini untuk pengesanan TTX telah digunakan menggunakan resonans plasmon permukaan dan diskriminasi daya bendalir yang mencapai tahap sensitiviti yang rendah.

5.7 Makmal analisis TTX di Malaysia

Di Malaysia, tiada program pemantauan khusus dijalankan untuk TTX atas sebab-sebab kekurangan sumber di makmal-makmal kerajaan. Namun keupayaan analitikal telah dibangunkan untuk pengesanan TTX. Buat masa ini, dua makmal yang mampu menjalankan analisis toksin TTX iaitu Pusat Biosekuriti Perikanan, Kuala Lumpur, Jabatan Perikanan Malaysia dengan menggunakan kaedah EIA dan Makmal Keselamatan dan Kualiti Makanan, Klang, Selangor, di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia yang menggunakan kaedah LC-MS/MS.

6.0 PERATURAN PARAS SELAMAT TETRODOTOKSIN DAN PENJUALAN IKAN BUNTAL DAN PRODUK

Kehadiran TTX serta kejadian kes keracunan yang signifikan telah menimbulkan kebimbangan akan risiko keselamatan pengguna. Justeru, beberapa negara telah mencadangkan paras selamat TTX atau paras yang dibenarkan dalam tisu makanan laut. Di beberapa negara, terdapat polisi atau peraturan berkaitan kandungan TTX yang dianggap selamat dalam ikan buntal atau makanan lain yang berkaitan (**Jadual 4**). Buat masa ini, kebanyakan paras selamat yang dicadangkan banyak merujuk kepada negara Jepun. Secara umumnya., jika saiz bahagian ikan buntal melebihi 1,000 g atau jika kepekatan TTX dalam ikan melebihi 10 (*Mouse Unit* (MU)/g (2 mg/kg), ikan itu dianggap berisiko tinggi untuk dimakan kerana menyebabkan potensi keracunan (Tani, (1945); Endo, (1984). Satu (1) MU ditakrifkan sebagai jumlah racun yang diperlukan untuk membunuh seekor tikus jantan strain ddY (berat badan 20 g) dalam masa 30 minit selepas disuntik secara *intraperitoneal*. Jumlah ini bersamaan dengan kira-kira 0.2 µg TTX.

Jadual 4: Paras selamat TTX yang diguna pakai oleh beberapa negara

Negara (Keterangan)	Nilai toksisiti	Rujukan
Jepun (Minimum Dos Maut)	2 mg/50 kg berat badan	Tani (1945)
Jepun (Minimum Dos Akut)	0.2 mg/50 kg berat badan	
Jepun (Paras yang diterima)	2.2 µg TTX eq/g dari isi ikan 10 <i>Mouse Unit</i> TTX eq/g	
Jepun (Had peraturan)	2000 µg/kg TTX eq (2 ppm)	
USA (Paras yang dibenarkan dalam makanan)	Zero	Yakes et al. (2010)
Eropah	Tiada	Bane et al. (2014)

Selain daripada paras selamat yang spesifik, sebagai tambahan, negara Jepun memberikan skor toksisiti untuk ikan buntal. Skor toksisiti TTX antara 10-100 (MU/g) dikelaskan sebagai kurang toksik, skor 100-1,000 TTX (MU/g) dikelaskan sebagai sederhana toksik dan paras >1,000 TTX (MU/g) dikategorikan sebagai sangat toksik (Noguchi et al., 2006). Selain daripada itu, terdapat juga peraturan mengenai penjualan, pengendalian dan penggunaan ikan buntal di beberapa negara seperti yang dikongsikan dalam **Jadual 5**.

Jadual 5: Peraturan mengenai penjualan dan penggunaan ikan buntal di beberapa negara (diubah suai daripada Anon, 2014)

Negara	Peraturan
Kesatuan Eropah	Produk perikanan yang disediakan menggunakan ikan beracun di bawah keluarga Tetraodontidae, Molidae, Diodontidae dan Canthigasteridae, tidak boleh diletakkan dipasarkan - <i>European Commission Directives 853/2004 (EC, 2004)</i>
Turkiye	Melarang penangkapan dan penjualan ikan buntal (Tetraodontidae)
Jepun	<ul style="list-style-type: none"> • Preskripsi bahagian mana daripada 21 spesies ikan buntal yang boleh dimakan. • Keperluan khusus kawasan penuaian untuk ikan buntal tertentu • Latihan khusus mengenai pengendalian ikan buntal, keperluan pendaftaran untuk chef, keperluan untuk restoran dan peraturan mengenai penternakan ikan buntal
China	Melarang perdagangan makanan dari ikan buntal yang diproses, walaupun ikan buntal diternak untuk diekspor
Taiwan	Nelayan tidak boleh menangkap atau menternak ikan buntal untuk dibekalkan bagi pemprosesan makanan dan sebagai bahan ramuan dalam penyediaan makanan.
Kanada	Pengimportan ikan buntal dari famili Tetraodontidae dilarang sama sekali
New Zealand	Ikan buntal ialah "makanan yang dipreskrip" dan dipantau untuk kehadiran tetrodotoksin (iaitu, kehadiran tetrodotoksin akan menyebabkan import gagal dan tidak akan dibenarkan untuk diimport ke New Zealand).

Negara	Peraturan
Singapura	<ul style="list-style-type: none">• Sijil kesihatan diperlukan untuk semua ikan buntal atau fugu yang diimport.• Sijil hendaklah dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang dilantik kerajaan yang berkaitan di negara pengekspor, antara keperluan lain yang menyatakan bahawa tetrodotoksin dalam ikan telah dikeluarkan oleh chef bertauliah dan sesuai untuk dimakan manusia.• Import ikan buntal hidup tidak lagi dibenarkan
Amerika Syarikat	<ul style="list-style-type: none">• Pengimportan peribadi adalah dilarang• Pengimportan fugu beku Jepun dari organisasi di Jepun di mana penghantaran disahkan selamat oleh pegawai Kerajaan Jepun kepada pengimport tunggal di bandar New York tidak lebih daripada tiga kali setahun.• Ikan yang disiang diedarkan kepada kurang daripada 20 restoran ahli organisasi AS di mana chef telah menjalani latihan khas untuk mengendalikan ikan.

7.0 PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN (R&D) BERKAITAN IKAN BUNTAL DI MALAYSIA

